

MICRO-CREDENTIAL: PEMBELAJARAN SUBJEK SEJARAH MELALUI VIDEO PENDEK



ABSTRAK


Subjek Sejarah adalah merupakan mata pelajaran yang diwajibkan untuk diajar dalam sistem pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun peringkat sekolah rendah. Kepentingan mata pelajaran Sejarah ini dilihat dari persepektif yang lebih luas iaitu untuk memupuk semangat patriotisme para pelajar dengan lebih mendalam dan bukannya sekadar untuk mendapatkan pengetahuan dan sijil semata-mata. Sehubungan itu, semua pihak termasuk pentadbir sekolah, guru-guru dan para pelajar bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan kualiti penguasaan dan pencapaian mata pelajaran Sejarah ini.

Dalam arus cabaran pendidikan pada masa ini, warga pendidik disaran untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang seiring dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) supaya keseronokan para pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah dapat ditimbulkan. Namun, mata pelajaran Sejarah itu sendiri sememangnya sangat sinonim dengan kaedah *teacher-centered* (guru bercakap dan para pelajar mendengar secara eksklusif) kerana topik-topik dalam subjek Sejarah perlu diceritakan terlebih dahulu oleh guru. Malah nama subjek ini dalam bahasa Inggeris iaitu 'History' juga berkonotasi bercerita iaitu *his + story* (ceritanya atau kisahnya).

Justeru, micro-credential ini dihasilkan sebagai satu inovasi baharu bagi kaedah PdP yang masih bersifat *teacher-centered* untuk mata pelajaran Sejarah. Inovasi pembelajaran melalui tayangan video pendek ini adalah satu langkah interaktif untuk menarik minat para pelajar untuk mendengar dan memahami topik yang disampaikan secara mudah dan berkesan.

OBJEKTIF

- 1 Mempelbagaikan inovasi PdP bagi subjek Sejarah.
- 2 Memudahkan penyampaian pengajaran dan meningkatkan keberkesanan PdP.
- 3 Menarik dan memupuk minat para pelajar untuk belajar dan mendalami subjek Sejarah.



NILAI TAMBAH

ASINKRONOUS

Pembelajaran yang sangat fleksibel dari aspek masa dan kemampuan pelajar.

Pengajar dan pelajar terlibat dengan kandungan kursus pada masa yang berbeza dan dari lokasi yang berbeza.

Pengajar menyediakan pelajar dengan urutan unit yang pelajar bergerak mengikut jadual dan kapasiti tersendiri.



KEBOLEHGUNAAN

PdP



POTENSI KOMERSIAL



Yuran dikenakan kepada pihak atau orang perseorangan yang berminat untuk mengikuti kursus Sejarah melalui portal Micro-Credential ini.



PENGIKTIRAFAN

Adanya maklum balas yang positif daripada para pelajar.

DR. NORASMAHANI HUSSAIN



DR. NORASMAHANI HUSSAIN
Senior Lecturer

B.A. (Ed.) (Hons.) - Universiti Sains Malaysia
M.A. - University of Malaya
Ph.D. - University of Leeds

norasmahani@usm.my 04-6536050

